

15/09/2003

Ibu tunggal boleh mohon Projek Perumahan Rakyat

JOHOR BAHRU: Kerajaan negeri menyeru ibu tunggal yang mempunyai masalah tempat tinggal supaya memohon rumah melalui Projek Perumahan Rakyat (PPR) kerana permohonan mereka akan diberikan keutamaan.

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Perumahan negeri, Samat Aripin, berkata pengumuman potongan harga sebanyak 20 peratus oleh Syarikat Perumahan Negeri (SPN) kepada golongan itu, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2004, Jumaat lalu, adalah peluang terbaik kepada mereka.

Katanya, menjadi dasar kerajaan negeri sejak dulu lagi memberi keutamaan kepada ibu tunggal bagi memiliki rumah PPR untuk meringankan beban mereka.

"SPN dalam proses membina kira-kira 1,500 rumah PPR di Kampung Setanggi dan rumah berkenaan akan diberi potongan harga 20 peratus seperti yang diumumkan oleh kerajaan," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Bajet 2004, yang memberikan potongan harga sebanyak 20 peratus kepada ibu tunggal bagi memiliki rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Samat, bagaimanapun, mengakui bahawa potongan harga itu untuk rumah yang dibina oleh SPN dan bukan untuk kediaman yang dibina oleh syarikat pemaju swasta.

Katanya, kerajaan negeri tidak mempunyai sebarang halangan kepada syarikat swasta yang turut sama mahu memberikan kemudahan berkenaan kepada ibu tunggal bagi memiliki rumah yang dibina mereka.

"Kita menyambut baik langkah pemaju perumahan swasta yang mahu mengikuti langkah yang diambil kerajaan kerana ini secara langsung dapat merancakkan lagi pasaran hartanah di negeri ini," katanya.